

# KERENTANAN DAN PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG: MENEROKA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA

*(Vulnerabilities and Legal Protection: Exploring Islamic Family Law in Malaysia)*

*Dina Imam Supaat<sup>1</sup>*  
dina@usim.edu.my

*Abidah Abdul Ghafar<sup>2</sup>*  
abidah@usim.edu.my

*Nurfadhilah Che Amani<sup>3</sup>*  
fadhilah.amani@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.<sup>1,2&3</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):<sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Dina Imam Supaat, Abidah Abdul Ghafar & Nurfadhilah Che Amani. (2024). Kerentanan dan perlindungan undang-undang: Meneroka undang-undang keluarga Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 181–212. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2)no2)

Peroleh: 29/3/2024	Semakan: 5/6/2024	Terima: 11/6/2024	Terbit dalam talian: 19/7/2024
Received:	Revised	Accepted:	Published online

## **Abstrak**

Undang-undang keluarga Islam mempunyai kesan yang besar terhadap kehidupan peribadi umat Islam. Kerangka undang-undang ini menetapkan dan melindungi pembentukan keluarga yang sah, serta mentakrifkan hak dan tanggungjawab ahli keluarga dalam pelbagai keadaan. Fokus kajian ini ialah perspektif sosioperundangan yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Matlamatnya adalah untuk menjelaskan peranan undang-undang dalam aspek pelindungan dan pemerkasaan individu rentan dalam keluarga. Perbincangan bermula daripada pentakrifan kerentanan, diikuti oleh perbahasan tentang punca yang mempengaruhi kerentanan dalam konteks keluarga dan perkahwinan. Kajian ini menjelaskan aspek kerentanan yang dinamik

dan menyerlahkan faktor yang memburukkan keadaan golongan rentan. Tumpuan utama ialah analisis peranan undang-undang keluarga Islam untuk mengurangkan kerentenan individu dalam keluarga. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan dan analisis deskriptif. Melalui analisis pemerkasaan golongan rentan, penelitian tentang peranan undang-undang keluarga Islam di Malaysia menyerlahkan keutamaan untuk memelihara kebijakan dan kesejahteraan keluarga yang membina komuniti dan masyarakat.

Kata kunci: Undang-undang keluarga Islam, perlindungan golongan rentan, pemerkasaan golongan rentan, capaian terhadap keadilan, pendaftaran perkahwinan, perlindungan kanak-kanak

### *Abstract*

*Islamic family law has significant impact on the personal lives of Muslims, as it establishes and protects the formation of a legal family and defines the rights and responsibilities of family members in various circumstances. This study focuses on the socio-legal perspective of Islamic family law in Malaysia, aiming to explain how the law can protect and empower vulnerable individuals within the family. The discussion begins with a definition of vulnerability and goes on to debate the factors that influence vulnerability within the context of family and marriage. The study explores the dynamic aspects of vulnerability and highlights the factors that worsen the situation for vulnerable groups. The main focus is on analysing the role of Islamic family law in reducing the vulnerability of individuals within the family unit. This study employs a qualitative approach, utilising literature review and descriptive analysis. By analysing the empowerment of vulnerable individuals, the research emphasises the priority of preserving the welfare and well-being of the family, which, in turn, strengthens the community and society.*

**Keywords:** *Islamic family law, protection of the vulnerable, empowerment of the vulnerable, access to justice, marriage registration, child protection*

## **PENDAHULUAN**

Undang-undang keluarga Islam mengawal hubungan kekeluargaan yang merangkumi perkahwinan, perceraian, pewarisan, hak penjagaan anak, nasab dan kesahahteraan. Dengan berlandaskan al-Quran, hadis dan ijmak ulama, undang-undang ini menjunjung kesucian perkahwinan melalui

ikatan yang sah antara suami dengan isteri. Yang turut digariskan ialah hak dan kewajipan ahli keluarga dalam pelbagai situasi dan pelindungan pertumbuhan keluarga berdasarkan prinsip keadilan, ihsan dan kesaksamaan. Undang-undang ini juga mengandungi kerangka yang komprehensif untuk menentukan keadilan dan terpakai terhadap setiap ahli keluarga tanpa mengambil kira jantina, umur atau keupayaan. Undang-undang keluarga Islam terkandung dalam statut yang berkaitan dengan keluarga Islam dan sumber hukum syarak. Statut ini digubal oleh Parlimen untuk Wilayah Persekutuan dan oleh Dewan Undangan Negeri bagi 13 negeri yang lain. Konsep keluarga Islam merujuk kumpulan yang terbentuk melalui pernikahan antara seorang lelaki dengan seorang wanita, serta anak yang dilahirkan dalam tempoh perkahwinan (Dar al Ifta, 2015). Suami dan isteri pula merupakan unit terkecil dalam sebuah keluarga dan memikul peranan sebagai bapa dan ibu apabila anak dilahirkan. Seterusnya, keluarga ini dapat berkembang menjadi rangkaian perhubungan yang luas melalui perkahwinan dan kelahiran.

Hubungan kekeluargaan penting untuk kesejahteraan sepanjang hayat melalui kasih sayang, pemahaman, keselesaan dan sokongan emosi (Thomas et al., 2017), bantu-membantu dalam aspek melaksanakan tugas harian, seperti melakukan kerja rumah, menyediakan pengangkutan dan memperjuangkan hak ahli keluarga, seperti memastikan capaian terhadap pendidikan (Ceka & Murati, 2016) dan penjagaan kesihatan (Aass, 2021; Siti Nor Ismalina Isa, 2013). Sekitaran keluarga ialah sekitaran yang ideal untuk melindungi individu yang rentan dan berfungsi sebagai sumber sokongan untuk mengurangkan tekanan dan keimbangan (UNICEF, 2018). Keluarga juga berperanan untuk memenuhi keperluan biologi, psikologi, ekonomi individu dan pemindahan budaya (Erkal, 1998). Kanak-kanak dapat bergantung pada ahli keluarga dewasa untuk mencapai sistem kesihatan, perkhidmatan utama dan proses undang-undang. Ahli keluarga yang kurang upaya dan terkesan oleh mobiliti terhad, masalah kesihatan ataukekangan kewangan dapat bergantung pada keluarga untuk mendapatkan sokongan dan bantuan.

Penulisan ini tertumpu pada perspektif sosioperundangan undang-undang keluarga Islam di Malaysia yang memfokuskan individu rentan. Matlamatnya adalah untuk menonjolkan peranan undang-undang dalam pemerkasaan individu rentan dengan cara menganalisis interaksi antara undang-undang keluarga Islam dengan kerentanan yang menatijahkan perlindungan dan penegakan hak golongan rentan. Pendekatan kualitatif yang menggunakan kajian kepustakaan dan

analisis deskriptif digunakan untuk meneroka punca kerentanan dalam keluarga dan fungsi undang-undang keluarga Islam sebagai mekanisme perlindungan bagi individu rentan. Penulisan ini juga memperlihatkan kewajipan masyarakat yang disalurkan melalui unit keluarga untuk menjaga anak dan memastikan sekitaran yang mampu mendidik dan membimbing anak ini disediakan (Hutchinson et al., 2014).

Perbincangan tentang peranan undang-undang keluarga Islam untuk melindungi dan memperkasa individu rentan adalah penting untuk menggalakkan pemahaman dan kesedaran tentang undang-undang Islam. Dengan mengetengahkan perlindungan dalam undang-undang keluarga Islam, salah tanggapan mengenai diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak dapat dibetulkan. Seterusnya, penekanan terhadap perlindungan undang-undang keluarga Islam dapat membuktikan keselarasannya dengan prinsip hak asasi manusia, seperti perlindungan maruah, ekuiti dan perlindungan daripada penderaan. Hal ini menjadi pemangkin pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem perundangan dan meningkatkan perlindungan terhadap ahli keluarga rentan.

## **MEMAHAMI KERENTANAN DALAM KONTEKS KELUARGA**

Kerentanan perlu ditakrifkan menggunakan beberapa konsep. Takrifan golongan rentan mungkin berbeza-beza bergantung pada konteks, termasuklah kebijakan sosial, hak asasi, kesihatan awam atau kerangka undang-undang. Wisner et al. (2004) mendefinisikan kerentanan sebagai ciri sistem atau masyarakat yang menyebabkannya terdedah pada bahaya. Wisner et al. (2004) berpendapat bahawa kerentanan dipengaruhi oleh pelbagai faktor kompleks, seperti ketidaksamaan sosial dan ekonomi, sistem politik dan kemerosotan alam sekitar. Wanita daripada keluarga berpendapatan rendah dalam masyarakat patriarki yang diskriminasi jantinanya berleluasa menjadi rentan kerana faktor masyarakat, seperti ketidaksamaan sosial dan ekonomi, yang mengehadkan capaian terhadap sumber dan peluang berbanding dengan lelaki. Ketidaksamaan ekonomi menyebabkan dirinya bergantung pada ahli keluarga lelaki dari sudut kewangan dan mendedahkannya pada eksplotasi atau penderaan ekonomi. Sistem politik yang gagal menyediakan perkhidmatan sokongan untuk mangsa memburukkan lagi kerentanan.

Takrifan kerentanan menurut Cutter et al. (2008) ialah fungsi tiga faktor utama: pendedahan terhadap bahaya, kepekaan terhadap kesan bahaya tersebut, dan keupayaan untuk menghadapi dan pulih daripada kesannya. Anak pasangan yang melalui proses perceraian terdedah pada

pelbagai tekanan, termasuklah konflik ibu bapa, tekanan emosi dan gangguan terhadap rutin harian. Kesan ketara tekanan ini terhadap kesejahteraan kanak-kanak meliputi kemurungan, masalah tingkah laku, kemerosotan akademik atau isu kesihatan. Kesan perceraian terhadap anak berbeza-beza bergantung pada umur, sikap, peringkat perkembangan dan kerentanan sedia ada. Kanak-kanak yang lebih muda mungkin mengalami kesukaran untuk memahami dan menghadapi perubahan, manakala kanak-kanak yang lebih tua dan remaja mungkin mengalami tekanan emosi dan isu identiti. Keupayaan kanak-kanak untuk menangani dan pulih daripada kesan perceraian bergantung pada pelbagai faktor, termasuklah kemahiran keibubapaan (Riggio & Valenzuela, 2010), kualiti hubungan dengan ibu bapa (Peterson & Zill, 1986), sokongan ahli keluarga (Potter, 2010), rakan, dan pengamal profesional, seperti kaunselor (Cao et al., 2022), serta ketersediaan sumber untuk memenuhi keperluan fizikal, emosi dan perkembangannya (Compas et al., 2017).

Herring (2018) pula berpendapat bahawa kerentanan terdiri daripada gabungan tiga komponen, iaitu potensi bahaya, ketidakupayaan untuk mengurangkan risiko dan ketidakupayaan untuk menangani risiko secara berkesan apabila risiko itu berlaku. Warga emas daripada keluarga miskin menghadapi kerentanan disebabkan oleh faktor, seperti potensi kemudaratan, ketidakupayaan untuk mengurangkan risiko dan ketidakupayaan untuk menangani risiko secara berkesan. Potensi kemudaratan tinggi disebabkan oleh kesan buruk kemiskinan terhadap kesejahteraan fizikal dan mental warga emas, seperti pemakanan yang tidak mencukupi, kekurangan capaian terhadap penjagaan kesihatan, pengasingan sosial, kekurangan makanan berzat, kecederaan dan isu kesihatan mental.

Tiga takrifan ini memberikan perspektif berbeza untuk memahami konsep, aspek, dimensi kerentanan dan tindakan untuk menanganinya. Takrifan kerentanan telah berkembang dan lebih memfokuskan keadaan yang menjadikan individu terdedah dan memerlukan sokongan, bukannya ciri peribadi sahaja. Hal ini termasuk, tetapi tidak terhad pada individu kurang upaya, berpenyakit kronik atau yang mempunyai isu kesihatan mental (Shin et al., 2020). Keadaan ini juga merangkumi kanak-kanak yang terpisah daripada ibu bapa, mangsa keganasan rumah tangga, gelandangan dan individu miskin tegar (Zhao et al., 2018). Orang yang terjejas disebabkan oleh konflik bersenjata (Levy & Sidel, 2016), kumpulan minoriti, seperti orang asli (Ford et al., 2020), induvidu tidak berdokumen, induvidu tanpa kerakyatan dan pelarian juga dianggap rentan (Boenigk et al., 2021).

## **Golongan/Individu Rentan**

Golongan rentan merangkumi pelbagai individu yang berisiko tinggi untuk mengalami kesan buruk disebabkan oleh pelbagai faktor, seperti cabaran sosial, ekonomi, politik, fizikal atau kesihatan yang merentasi konteks dan populasi berbeza. Kanak-kanak, wanita hamil, golongan miskin, individu warga emas dan golongan berpenyakit kronik amat rentan terhadap keadaan kecemasan, seperti bencana alam, krisis kesihatan, kemalangan, kemerosotan ekonomi, kegagalan teknologi dan pergolakan politik (Law Insider, t.t.b). Kanak-kanak daripada keluarga miskin atau yang terjejas disebabkan oleh kesihatan mental lebih berisiko untuk mengalami kesan buruk (Horgan, 2009). Selain itu, kanak-kanak di institusi, termasuklah anak yatim, sangat terdedah pada masalah kesihatan mental, pencapaian pendidikan dan kesejahteraan sosial (Pinto & Woolgar, 2015).

Kumpulan rentan juga ialah individu yang berisiko tinggi untuk mengalami bahaya disebabkan oleh kejadian yang tidak dijangka, bergantung pada diskriminasi struktur dan cabaran untuk mempertahankan diri (Rukmana, 2014). Diskriminasi berstruktur merujuk amalan diskriminasi yang tertanam dalam sistem, dasar atau struktur sesebuah organisasi atau masyarakat. Hal ini wujud dalam pelbagai cara, seperti capaian yang tidak seimbang terhadap sumber dan peluang yang terhad untuk kemajuan atau halangan sistemik yang mempengaruhi populasi terpinggir (Harris-Britt et al., 2007). Pengagihan kemudahan penjagaan kesihatan yang tertumpu di kawasan bandar menimbulkan cabaran terhadap keluarga di luar bandar atau yang kurang bernasib baik dari segi ekonomi sehingga menyebabkan capaian yang terhad terhadap hospital dan klinik. Akibatnya, golongan ini tidak dapat mengakses perkhidmatan kesihatan yang tepat pada masanya dan berkualiti.

## **Faktor Peningkatan Kerentanan**

Pelbagai situasi dapat mendedahkan seseorang kepada risiko kemunduran dan kesukaran lebih besar, seterusnya menyebabkan peningkatan kerentanan. Situasi ini merangkumi faktor kemiskinan, kehilangan tempat tinggal, kebuluran, perhambaan zaman moden dan perkahwinan kanak-kanak (Goli et al., 2015). Kerentanan diburukkan lagi oleh faktor penderaan dan eksplorasi, serta ketiadaan peluang pendidikan dan latihan yang dapat memperkasa individu. Di samping itu, capaian yang terhad sumber kewangan, perkhidmatan penting, penjagaan kesihatan dan sistem sokongan sosial pula memburukkan lagi kerentanan (Baker et al., 2005).

Tambahan pula, isu sistemik, seperti rasuah dan sistem perundangan yang lemah (Rasidah Mohd Rashid et al., 2022), kecacatan fizikal (Nosek et al., 2001) dan status perkahwinan (Herbst-Debby et al., 2021) adat resam tradisional (Md. Khaled Saifullah et al., 2021), status sosioekonomi (Kananatu & Koh, 2020) dan lokasi geografi (Safiah Yusmeh et al., 2020) dapat merumitkan keadaan dan memburukkan kerentenan. Perbezaan ini bertambah buruk dengan capaian yang terhad terhadap maklumat dan perkhidmatan penting, keganasan rumah tangga, ketidaksamaan jantina atau terperangkap dalam krisis. Secara kumulatif, faktor ini mewujudkan kerentenan kompleks dan memperlihatkan keperluan pendekatan komprehensif untuk menangani masalah yang berakar umbi demi membentuk masyarakat yang lebih adil dan saksama (Suárez-Balcázar et al., 2022; Singh & Bedi, 2022).

### **Orang Rentan dan Kerentenan dalam keluarga**

Dalam konteks keluarga, individu rentan menghadapi peningkatan risiko bahaya, pengabaian atau halangan disebabkan oleh ciri atau keadaan tertentu dalam sekitaran keluarga. Kerentenan ini, sama ada peribadi, sosial atau institusi, dapat memberikan kesan buruk terhadap kesejahteraan dan keupayaannya untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam kehidupan bersama-sama keluarga. Oleh itu, bantuan dan perlindungan bersasar diperlukan untuk memastikan perlindungan hak golongan tersebut, contohnya, seorang wanita yang diceraikan dan tidak tahu tentang haknya akan menghadapi kesukaran apabila menuntut nafkah untuk diri dan anaknya daripada bekas suaminya (Muslihah Hasbullah Abdullah et al., 2012). Keadaan ini bertambah serius jika golongan ini mempunyai capaian yang terhad terhadap sistem keadilan (Amato, 2000). Ibu bapa yang berusia tua menjadi bertambah rentan apabila tidak mempunyai sistem sokongan (Oliveira et al., 2021) dan mungkin terperangkap dalam kemiskinan tegar tanpa bantuan kewangan daripada anak atau saudara-maranya (Raikes & Thompson, 2005).

Wanita, kanak-kanak, warga tua, orang kurang upaya, individu yang menghidap penyakit kronik, mangsa keganasan rumah tangga, dan golongan yang hidup dalam kemiskinan atau tanpa sebarang sumber dianggap sebagai ahli keluarga yang rentan. Dalam kalangan kumpulan ini, kanak-kanaklah yang paling rentan. Hal ini dikatakan demikian kerana umur, ketidakmatangan dan kebergantungan terhadap orang dewasa untuk mendapatkan keperluan asas menyebabkan golongan ini lebih terdedah pada penderaan dan pengabaian. Faktor lain yang menyebabkan kerentenan

kanak-kanak ialah perceraian (Lachman et al., 2023), kurangnya tahap pendidikan dan capaian yang terhad terhadap keperluan asas (Skinner, 2006), pengabaian (Lippard & Nemeroff, 2020), isu kesihatan mental ibu bapa atau penjaga (Wolicki et al., 2021), penyalahgunaan dadah dan alkohol dalam keluarga (Oliveira et al., 2021) dan kekurangan capaian terhadap penjagaan kesihatan (Bull et al., 2022; Stevens et al., 2006). Bagi warga emas, masalah kesihatan yang disebabkan oleh penuaan, pengasingan sosial dan kewangan, menjadikan golongan ini terdedah pada penganiayaan dan pengabaian, termasuklah yang disebabkan oleh ahli keluarga atau penjaga, serta berisiko tinggi untuk menghadapi eksplorasi dan manipulasi kewangan (Bagshaw et al., 2013; Nurfadhilah Che Amani et al., 2021).

Wanita pula rentan dalam keluarga kerana diskriminasi berasaskan jantina (Gunewardena, 2002), norma budaya dan tradisi yang meletakkan golongan ini dalam keadaan yang merugikan (Al-Sukri & Tessa Shasrini, 2020; Onwutuebe, 2019), termasuk capaian yang tidak sama rata terhadap pendidikan (Tawiah & Thusi-Sefatsa, 2022), perkahwinan awal (Mohd Al Adib Samuri et al., 2022) dan peluang ekonomi yang terhad (Kim, 2022). Pandemik Covid-19 yang melanda telah meningkatkan kerentenan ahli keluarga, termasuklah yang disebabkan oleh tekanan kewangan dan kemiskinan. Kanak-kanak menjadi yatim piatu dan terpisah daripada ibu bapa, serta bergelut dengan masalah kewangan, selain menghadapi halangan untuk meneruskan pendidikan, seperti capaian yang terhad terhadap pembelajaran dalam talian. Hal ini mendatangkan beban kewangan tambahan terhadap keluarga miskin (Zuriani Ibhrim et al., 2022). Pasangan suami isteri pula menjadi balu atau duda, hilang pendapatan dan sokongan, dan menghadapai peningkatan keganasan rumah tangga dengan ketaranya. Bapa dan suami yang selalunya merupakan pencari nafkah utama terjejas kerana hilang pekerjaan, perniagaan ditutup dan pendapatan berkurang (Chiet & Kamal Abd Razak, 2021; Nazirul Nazrin Shahrol Nidzam et al., 2022) sehingga tidak dapat menyara keluarga, dan mendorong banyak keluarga menjadi miskin tegar. Kesan negatif tersebut turut dirasai oleh kanak-kanak, warga emas dan individu kurang upaya dalam keluarga (Bundervoet et al., 2022; Nazirul Nazrin Shahrol Nidzam et al., 2022).

## **UNDANG-UNDANG DAN PEMERKASAAN**

Kerangka perundungan keluarga Islam di Malaysia terdiri daripada Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bidang kuasa negeri

untuk menggubal undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang beragama Islam, termasuklah penubuhan mahkamah syariah dalam Senarai 2 (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan. Dalam Kes *Ramah lwn Laton* (1927) 6 FMSLR 128, diputuskan bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang tempatan yang seharusnya diberikan pengiktiran kehakiman oleh mahkamah. Undang-undang keluarga Islam yang digubal terpakai di negeri masing-masing serta yang bermastautin di negeri lain seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS). Selain itu, beberapa enakmen lain turut membentuk kerangka perundangan keluarga Islam, seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999; Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003; Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995; Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003; dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Penggubalan undang-undang keluarga Islam untuk menjadi akta dan enakmen, berserta prosedur dapat memastikan prinsip syariah sentiasa digunakan dan diaplikasikan secara konsisten mengikut negeri. Undang-undang ini berfungsi sebagai mekanisme penting untuk melindungi dan memperkasakan individu, terutamanya yang rentan melalui kerangka undang-undang berstruktur yang melindungi hak, memastikan keadilan dan menggalakkan kesaksamaan dan keterangkuman.

Perlindungan merujuk langkah dan tindakan yang diambil untuk memastikan kesejahteraan, keselamatan dan hak undang-undang individu atau organisasi terhadap bahaya atau keadaan yang tidak menguntungkan. Dalam konteks perlindungan kanak-kanak, hal ini merangkumi undang-undang dan peraturan yang bertujuan untuk mencegah penderaan dan pengabaian kanak-kanak, serta menyediakan sokongan dan campur tangan untuk kanak-kanak berisiko (Fouché et al., 2020). Hal ini juga melibatkan usaha untuk mewujudkan sekitaran yang membolehkan seorang individu boleh hidup, bekerja, dan berinteraksi tanpa rasa takut terhadap bahaya fizikal, mental atau psikologi, di samping menegakkan hak golongan tersebut. Untuk melindungi populasi rentan daripada prasangka, keeganasan, penderaan, pengabaian, eksplotasi dan pengecualian, sistem dan mekanisme sokongan mesti diwujudkan untuk memastikan kesejahteraan dari aspek fizikal, emosi dan mental.

Pemerksaan ialah proses pemberian keupayaan, kuasa, hak atau pilihan untuk bertindak, memenuhi kewajipan tertentu atau menjalankan

tugas yang ditetapkan untuk seseorang individu atau entiti (Abel & Hand, 2018; Merriam-Webster, t.t.). Pemeriksaan memerlukan kebebasan dan kawalan terhadap tindakan dan keadaan sendiri (Cambridge Dictionary, t.t.). Keadaan ini berlaku apabila seseorang atau komuniti memiliki tahap autonomi dan penentuan nasib sendiri yang membolehkannya bebas bertindak dan bertanggungjawab bagi diri sendiri. Hal ini melibatkan penyerahan kuasa daripada seseorang atau organisasi kepada yang lain, memberikan keupayaan untuk berfikir, bertindak dan membuat keputusan bagi menentukan tugas dan membuat pilihan (USlegal, t.t.). Hal ini dapat merangkumi tindakan memotivasi diri sendiri atau orang lain untuk mencapai matlamat penting, serta memupuk inisiatif, membuat keputusan bebas, dan kemahiran menyelesaikan masalah diri (Indeed, t.t.).

## **PEMERIKASAAN GOLONGAN RENTAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

Batu asas perlindungan dan pemeriksaan individu rentan dalam keluarga dimanifestasikan oleh Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (AUKI), EUKIS dan enakmen negeri lain, yang membolehkan seseorang individu itu menggunakan haknya dan mendapatkan bantuan apabila diperlukan. Undang-undang keluarga Islam berperanan penting untuk memastikan keluarga dibangunkan secara sah, hak ahlinya dihormati dan dilindungi, dan keluarga dipelihara untuk menjalani kehidupan yang bahagia dan stabil. Hal ini termasuklah mewajibkan pendaftaran perkahwinan dan membenarkan wanita menegaskan statusnya sebagai isteri yang dikahwini secara sah yang berhak mendapat nafkah daripada suaminya. Selain itu, termaktub juga peruntukan perlindungan terhadap keganasan dan kebenaran untuk pihak menuntut cerai, suami atau isteri dan permohonan perceraian fasakh (AUKI, Seksyen 52).

Undang-undang ini digubal untuk menentukan hak penjagaan kanak-kanak berdasarkan prinsip kebijakan dan kepentingan terbaik kanak-kanak, bukannya semata-mata hak ibu bapa (Adzidah Yaakob et al., 2017; Nur Zulfah Md Abdul Salam, 2019). Undang-undang keluarga Islam juga dapat mengurangkan kerentanan individu dalam keluarga melalui peruntukan nafkah dan kewangan (Muhammad Ifzal Mehmood, 2016; Yelwa, 2013) yang diberikan kepada isteri, bekas isteri, anak dan saudara-mara yang lain (Norazlina Abdul Aziz et al., 2021), menjaga integriti fizikal dan emosi (Martina Purna Nisa, 2021), dan menggalakkan pemeliharaan kesihatan mental. Hak isteri untuk memohon pembubaran

perkahwinan dijamin di bawah peruntukan tuntutan, seperti fasakh dan khul' (Farah Safura Muhammud, 2020), manakala nafkah iddah dan hak penginapan dapat memastikan kelangsungan hidup bekas isteri sepanjang tempoh iddah/menunggu (Yelwa, 2013). Hak wanita untuk memiliki harta diiktiraf melalui konsep harta sepencarian (Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Zaidi Daud, 2020) dalam poligami, perceraian dan kematian, manakala amalan nafkah mutaah memelihara maruah seseorang wanita (Mohd Sabree Nasri et al., 2020). Kaedah, seperti suhl atau mediasi, menyumbang terhadap penyelesaian konflik yang menjimatkan masa dan kos (Hadenan Towpek et al., 2023; Nora Abdul Hak et al., 2020). Dengan adanya khidmat bantuan guaman, individu rentan mempunyai capaian terhadap keadilan dan perlindungan dalam kerangka undang-undang keluarga Islam (Rafeah Saidon et al., 2023). Pemberian kuasa yang lebih besar kepada ahli keluarga yang rentan mempunyai kesan positif yang meluas, serta mengukuhkan dan meningkatkan daya tahan seluruh keluarga. Sebagai contoh, apabila diberi kuasa dan sumber, wanita dapat memperkasakan kanak-kanak dan orang lain yang berada di bawah jagaannya (Dina Imam Supaat & Razaana Denson, 2019).

Statistik perkahwinan dan perceraian orang Islam di Malaysia dari tahun 2019 hingga 2022 yang ditunjukkan dalam Jadual 1 sangat relevan dengan analisis perlindungan individu rentan di bawah undang-undang keluarga Islam. Data tersebut menunjukkan turun naik bilangan perkahwinan dengan kemuncaknya berlaku pada tahun 2021 dan penurunan ketara perceraian dari tahun 2019 hingga 2021, diikuti oleh peningkatan mendadak pada tahun 2022. Hal ini menunjukkan skala individu yang terjejas disebabkan oleh perceraian. Makin banyak perceraian, makin banyak orang menjadi rentan dan makin meningkat kerentanan sedia ada. Peningkatan jumlah perceraian menyerlahkan keperluan untuk meningkatkan perkhidmatan, seperti kaunseling, bantuan guaman dan suhl. Perkhidmatan ini dapat membantu mengurangkan kesan perceraian terhadap individu rentan, terutamanya wanita dan kanak-kanak, yang mungkin menghadapi cabaran sosioekonomi yang ketara selepas perceraian.

## Pendaftaran Perkahwinan

Pendaftaran perkahwinan ialah instrumen pemerkasaan dan perlindungan yang signifikan, khususnya untuk isteri. Instrumen ini mencegah eksplorasi dan memastikan kepatuhan terhadap undang-undang yang menegakkan hak wanita, seperti umur minimum perkahwinan dan keperluan persetujuan bersama untuk berkahwin (Welchmen, 2004). Seksyen 25

**Jadual 1** Jumlah perkahwinan dan perceraian di Malaysia antara tahun 2019–2022 (Sumber: data.gov.my).

Tahun	Jumlah Perkahwinan Orang Islam di Malaysia	Jumlah Perceraian Orang Islam di Malaysia
2019	147,847	45,502
2020	145,202	37,853
2021	176,002	31,650
2022	168,726	46,138

AUKI mewajibkan setiap perkahwinan orang yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan didaftarkan, manakala Seksyen 55 pula mewajibkan pendaftaran perceraian dan pembubaran perkahwinan. Pendaftaran ini dapat menjamin hak nasab anak hasil daripada perkahwinan. Hak isteri terhadap nafkah semasa perkahwinan dan selepas perceraian juga dapat dituntut di mahkamah dengan bukti kewujudan sesebuah perkahwinan melalui pendaftaran.

Sebahagian jabatan agama Islam negeri telah mengambil langkah proaktif untuk memudahkan pendaftaran perkahwinan secara dalam talian. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menawarkan perkhidmatan sistem pendaftaran perkahwinan, perceraian, rujuk dan runding cara yang lebih berkesan dan teratur secara atas talian melalui Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia. Walaupun hukum syarak tidak mewajibkan pendaftaran sebagai syarat sah perkahwinan, kewajipan ini penting untuk mengelakkan kemudaratan sekiranya tidak didaftarkan, seperti perkahwinan fasid, kesahteraan anak, masalah tuntutan nafkah dan hak pewarisan. Keperluan ini selari dengan prinsip maqasid syariah untuk memelihara nasab dan diri. Pertama, pendaftaran perkahwinan melindungi nyawa (*hifz al-nafs*) dan hak anak yang dilahirkan dalam perkahwinan, memastikan kesejahteraan dan status anak diiktiraf, melindungi hak kanak-kanak dan menggalakkan penjagaan kepentingan dan kebajikan golongan ini (Nur Mohamad Kasim et al., 2022). Pendaftaran juga melindungi agama (*hifz al-din*) kerana dapat memastikan perkahwinan tersebut mengikut prinsip Islam (Maheran Makhtar & Nor Aida Ab Kadir, 2019). Seterusnya, pendaftaran ini juga melindungi keturunan

(*hifz al-nasl*) dengan memastikan kesahtarafan anak dalam perkahwinan (Khairunnisah Sayed Ahmad Kabeer et al., 2021; Maheran Makhtar & Nor Aida Ab Kadir, 2019) dan melindungi harta (*hifz al-mal*) melalui hak harta dan memastikan pengagihan aset yang saksama dalam perkahwinan. Formaliti undang-undang ialah perkara asas dalam penjagaan hak harta, seperti yang berkaitan dengan pewarisan dan harta sepencarian.

Pendaftaran mandatori perlu terpakai untuk semua orang Islam yang menetap di Malaysia tanpa mengambil kira status kewarganegaraan untuk mengelakkan wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa. Tanpa pendaftaran perkahwinan dan pendaftaran perceraian, golongan wanita dan anak terdedah pada pengabaian oleh suami dan tanpa capaian terhadap mahkamah untuk membuat tuntutan seperti yang berlaku pada golongan pelarian Rohingya. Amalan untuk mengecualikan pendaftaran perkahwinan pelarian Rohingya membawa pelbagai komplikasi lain, termasuklah dalam aspek pengesahan lafaz talak, pematuhan tempoh iddah, tuntutan nafkah bekas isteri dan anak, serta pengesahan status wanita yang bercerai (Khairunnisah Sayed Ahmad Kabeer et al., 2021). Ketiadaan bukti perkahwinan yang sah mengundang masalah, seperti kesukaran pendaftaran kelahiran, pemeliharaan identiti, risiko tiada hak warganegara, masalah penasaban wali dan pewarisan dan kesukaran penempatan semula pelarian ke negara ketiga (Zulfaqar Mamat & Rodziana Mohamed Razali, 2020).

Pendaftaran perkahwinan dapat mencegah perkahwinan sindiket yang menjadikan wanita dan kanak-kanak sebagai golongan paling terkesan dengan masalah jangka panjang (Intan Nadia Ghulam Khan et al., 2012). Dalam kes *Norazimah bt Man lwn Mohd Hamdan bin Ismail* [2013] 3 *SHLR* 45, pemohon ialah anak dara ketika pernikahan, manakala responden sudah beristeri. Pernikahan diwalikan oleh wali hakim kerana bapa kandung pemohon meninggal dunia dan abang kandung beliau tidak dibenarkan hadir. Oleh sebab pasangan tersebut diakadnikahkan oleh jurunikah yang tidak bertauliah, mahkamah mengisyiharkan pernikahan tersebut sebagai *fasid* dan tidak diiktiraf, serta tidak boleh didaftarkan.

Oleh itu, sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia mementingkan pendaftaran perkahwinan (AUKI, Seksyen 25 dan 31) dan mengenakan penalti bagi kesalahan yang berkaitan dengan pendaftaran (AUKI Seksyen 35). Seksyen 45 AUKI mengehadkan kuasa mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang berkaitan dengan perceraian jika perkahwinan tidak didaftarkan di bawah AUKI. Kelalaian pasangan untuk mendaftarkan perkahwinan menyebabkan mahkamah tidak mempunyai

bidang kuasa untuk mendengar tuntutan perkahwinan. Pendaftaran juga membendung situasi melepaskan diri daripada kewajipan, seperti berpoligami tanpa kebenaran mahkamah. Walaupun perkahwinan sah mengikut hukum syarak, tanpa pendaftaran, undang-undang tidak dapat melindungi hak dan kewajipan dalam perkahwinan. Dalam kes *Aidel Daina bte Mohd Jonid lwn Abdel Haq Abdalla Yaqqub* [2008] 1 *SHLR* 98, perkahwinan orang Islam yang dilaksanakan di kedutaan, suruhanjaya tinggi atau pejabat konsul Malaysia di luar negara hendaklah diiktiraf sebagai sah. Dalam kes ini, pasangan perlu mendaftarkan perkahwinannya di Malaysia dan mematuhi segala syarat enakmen negeri mastautinnya.

### **Pemerkasaan Kewangan/Ekonomi**

Kewajipan dan hak kewangan dalam keluarga diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang keluarga Islam. Menerusi Seksyen 21 AUKI, mahr atau mas kahwin, iaitu pemberian daripada suami yang wajib pada masa akad nikah, sama ada berupa wang yang dibayar atau diakui sebagai hutang dengan atau tanpa cagaran atau berupa sesuatu yang menurut Hukum Syarak dapat dinilai dengan wang (AUKI, Seksyen 2), hendaklah dibayar pada awal perkahwinan. Pendaftar hendaklah menentukan dan merekodkan nilai dan maklumat mahr (AUKI, Seksyen 21(2)(a)) yang dapat menjadi bukti yang sahih untuk isteri membuat tuntutan dalam tempoh perkahwinan atau setelah bercerai jika mahr tidak dibayar, (AUKI, Seksyen 57). Khusus bagi mahar yang belum dibayar atau terhutang, rekod itu dapat memastikan kebolehkuatkuasaan mahr. Mahr yang dibayar terus kepada isteri dan dianggap sebagai hartanya, berfungsi sebagai jaring keselamatan untuk kewangan wanita sekiranya berlaku perceraian (Raihanah Azahari & Hasbi Muh Ali, 2015). Hal ini menyumbang kepada keselamatan kewangan wanita dan mengurangkan kerentenan ekonomi. Suami juga wajib menyediakan nafkah untuk isteri (AUKI, Seksyen 59) dan anak (AUKI, Seksyen 72). Hak isteri yang diceraikan untuk mendapat nafkah daripada suaminya terhenti apabila tamat tempoh iddah atau apabila isteri nusyuz (AUKI, Seksyen 65).

Bapa atau suami perlu membayar nafkah menurut kadar yang ditentukan (Bahiyyah Ahmad, 2019), termasuklah kos pendidikan (Bahiyyah Ahmad et al., 2020), walaupun anak telah mencapai umur 18 tahun, contohnya anak yang berada pada peringkat pengajian tinggi atau tidak dapat menjaga diri sendiri, seperti kurang upaya. Hal ini dapat menjamin keperluan asasnya supaya tidak terjejas dan pendidikan dapat diteruskan. Nafkah untuk ibu bapa dan ahli keluarga juga wajib disediakan apabila

kriteria tertentu dipenuhi (Dina Imam Supaat, 2017, Zainunnisaa Abd. Rahman, 2000;). Dalam kes ZZ lwn NA [2019] 1 *SHLR* 57, perayu tidak berpuas hati dengan keputusan bahawa anak yang bernama NZ merupakan anak sah taraf hasil pernikahan antara perayu dengan responden. Dengan mengambil kira tarikh perceraian dan keadaan responden yang sedang hamil ketika perceraian, mahkamah memutuskan bahawa anak tersebut dinasabkan kepada bapanya. Hal ini secara langsung menjamin hak, seperti nafkah, pendidikan dan tempat tinggal yang sempurna, untuk anak tersebut.

Pembahagian harta sepencarian perlu dilakukan mengikut prinsip pengagihan saksama dengan mengambil kira sumbangan langsung dan tidak langsung setiap pasangan dalam pemerolehan harta itu ketika perkahwinan (EUKIS, Seksyen 122(1), (2), (3). Pembahagian harta sepencarian dapat dilakukan apabila suami hendak berpoligami (EUKIS, Seksyen 23(10) dan ketika berlaku kematian pasangan. Hal ini satu bentuk pemerkasaan kerana pengiktirafan sumbangan tidak langsung atau bukan kewangan mengakui usaha wanita dalam aspek menyokong dan menjaga harta benda suami dan keadaan ini melindungi keterjaminan kewangan wanita. Kes *Boto binti Taha lwn Jaafar bin Muhammad* (1985) 2 *MLJ* 98 secara jelas mengiktiraf sumbangan tidak langsung isteri. Dalam kes *Azizah bt Musa lwn Mohd Kamal @ Raja Kumaran bin Abdullah* [2016] 3 *SHLR* 8, plaintif dan defendant telah bernikah pada tahun 1981 dan bercerai pada tahun 2005. Mahkamah memutuskan bahawa walaupun isteri (plaintif) tidak bekerja, isteri tersebut telah memberikan sumbangan tidak langsung dengan cara menjaga rumah dan anak, serta menjaga makan minum defendant dan anaknya. Oleh itu, isteri mempunyai bahagian dalam harta sepencarian yang diperoleh sepanjang tempoh perkahwinan.

Undang-undang keluarga Islam juga menentukan kaedah pembahagian harta dalam kalangan waris mengikut konsep pewarisan berwasiat dan tidak berwasiat yang bertujuan untuk memberikan keadilan kepada semua peringkat waris dan mengelakkan pergaduhan. Sebelum Islam, anak perempuan, isteri, ibu dan ahli waris perempuan tidak diberi hak dalam harta pusaka. Pewarisan hanya untuk waris lelaki atas dasar keturunan, perjanjian dan anak angkat. Sistem pewarisan Islam memberikan ahli keluarga, terutamanya wanita dan kanak-kanak, jaminan kewangan. Sama ada dengan ada wasiat atau tanpa wasiat, ahli keluarga terdekat, seperti pasangan, anak dan ibu bapa, mendapat bahagian harta pusaka yang adil mengikut hukum syarak (Mohd Ridzuan Awang, 2008). Yang paling ketara, peruntukan undang-undang pewarisan dapat mengurangkan

kerentanan kewangan/ekonomi seseorang bala dan anak kecil yang hilang sumber kewangan untuk meneruskan kehidupan selepas kematian suami atau bapanya.

Penguatkuasaan hukuman pelanggaran kewajipan pembayaran nafkah, seperti pengenaan denda atau penjara kerana ketidakpatuhan adalah satu daripada kaedah pemerkasaan. Satu daripada mekanisme utama untuk membela nasib bekas isteri dan anak adalah melalui Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang ditubuhkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Fungsi utama BSK adalah untuk memastikan bekas suami atau bapa mematuhi dan melaksanakan perintah nafkah oleh mahkamah syariah (Mohd Amir Arifin & Jamalluddin Hashim, 2017). Bekas isteri atau anak boleh membuat aduan kepada BSK apabila bekas suami atau bapa enggan membayar nafkah dan BSK pula akan mengambil tindakan tambahan, seperti mengadakan sesi perundingan dengan kedua-dua pihak untuk mencari jalan penyelesaian. Bahagian ini juga mempunyai dana tahunan untuk membantu keluarga dengan sokongan kewangan jangka pendek melalui pendahuluan dana nafkah seawal proses prosiding mahkamah. Setiap permohonan akan dinilai dan pembiayaan diberikan dalam tempoh enam bulan. Walau bagaimanapun, bekas suami atau bapa diperintahkan untuk membayarnya semula (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, t.t.; Roslina Che Soh et al., 2017; Zulzaidi Mahmod et al., 2021). Bermula pada tahun 2012, BSK mula memantau perintah pembayaran nafkah, termasuklah secara dalam talian melalui aplikasi e-Nafkah yang dapat mengesan dan membantu menguatkuasakan perintah nafkah (Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang, 2022).

### **Perlindungan Kanak-kanak dan Penentuan Hak Jagaan**

Pendekatan menyeluruh untuk melindungi hak kanak-kanak telah digariskan dalam undang-undang keluarga Islam (Azizah Mohd et al., 2017). Ibu ialah orang yang paling berhak untuk menjaga anak kecilnya ketika masih dalam perkahwinan atau selepas perkahwinan dibubarkan (EUKIS, Seksyen 82), tertakluk pada kelayakan di bawah Seksyen 83 EUKIS. Seseorang itu boleh hilang kelayakan kerana tidak bermoral, murtad atau berkahwin dengan pasangan baharu atau jika cuai dan mengabaikan anak jagaan tersebut (EUKIS, Seksyen 86). Apabila wujud keadaan luar biasa, dengan mengambil kira kebijakan kanak-kanak, mahkamah boleh menyerahkan kanak-kanak kepada orang lain atau persatuan (EUKIS, Seksyen 87(1). Pertimbangan utama mahkamah

ialah kebijakan kanak-kanak (EUKIS, Seksyen 87(2), dan mengambil kira kemahuan ibu bapa, dan kemahuan anak jika sudah mencapai umur yang dapat menyatakan pendapatnya sendiri (EUKIS, Seksyen 87(3)).

Dalam penentuan kepentingan terbaik atau kebijakan kanak-kanak, mahkamah akan mengambil kira pelbagai faktor, termasuklah umur, jantina, taraf sosioekonomi, tempat tinggal, keakraban dengan ibu bapa, kesihatan fizikal dan mental dan keperluan emosi kanak-kanak (Ghafar et al, 2020; Nur Zulfah Md Abdul Salam, 2018). Oleh sebab kanak-kanak ialah ahli keluarga yang rentan, haknya untuk mendapat nafkah, pendidikan dan didikan yang baik perlu ditekankan. Yang turut digariskan ialah kriteria untuk penjagaan, didikan dan perlindungan kanak-kanak dalam kes perceraian atau kematian ibu bapa. Kriteria ini dapat memastikan kesejahteraan dan kepentingan terbaik bagi kanak-kanak, dengan mengambil kira keupayaan dan keadaan ibu bapa supaya dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap anak dan menggalakkan sekitaran keluarga yang menyokong perkembangan anak.

Hak jagaan sering diberikan kepada ibu bapa yang lebih mampu membesarakan anak dari segi fizikal, emosi, agama dan moral bagi mengekalkan identiti budaya dan agama kanak-kanak, memastikan keperluan asas kanak-kanak dipenuhi, mewujudkan sekitaran yang stabil dan menggalakkan pertumbuhan. Semua keadaan ini meningkatkan kesejahteraan anak dan mengurangkan kerentanan yang disebabkan oleh kekeliruan dan kekurangan bimbingan ibu bapa/penjaga. Dalam kes *Mat Ghani bin Ismail lwn Samsiyah bt Mansor* [2013] 3 SHLR 1, mahkamah menegaskan bahawa perbuatan perayu yang cuba memberikan gambaran yang negatif mengenai ibunya dapat menyebabkan anak tersebut tidak taat (derhaka) kepada ibunya. Hal ini suatu hal yang termasuk dalam soal kebijakan anak dan haram bagi perayu menyemai benih kebencian dalam diri anak terhadap ibunya.

Pengiktirafan kedudukan ibu sebagai orang terbaik untuk mendapat hak penjagaan anak di bawah umur tujuh tahun (AUKI, Seksyen 81) memastikan hak ibu terhadap penjagaan anak tidak dilucutkan secara tidak adil. Bahkan, pengiktirafan ini masih tertakluk pada pengutamaan kebijakan dan keperluan anak. Oleh itu, ketika tempoh menyusu, anak kecil kerap diletakkan bersama-sama ibunya kerana memerlukan perhatian dan asuhan yang berterusan. Bahkan, penghakiman hak penjagaan juga mengambil kira watak dan sahsiah ibu bapa bagi memastikan anak dibesarkan dalam suasana yang selamat daripada bahaya moral (AUKI, Seksyen 82 & 83). Dalam kes *Wan Zurairi Wan Jali lwn Ezza Shahira*

*Mohammad Hishham* [2023] *SHRU* 14, mahkamah menolak dakwaan plaintif bahawa defendant berakhhlak buruk dan hilang kelayakan daripada mendapat hak hadanah kerana plaintif gagal mengemukakan bukti kepada mahkamah.

